

# Pemecatan hanya khabar angin

**BATU PAHAT** - Naib Presiden Umno, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein menolak dakwaan bahawa Majlis Tertinggi (MT) Umno yang dijadualkan bersidang pada 9 September ini akan memecat atau menggantung keanggotaan Timbalan Presidennya, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

"Ini khabar angin, kalau tidak saya sebagai naib presiden akan tahu jika ia agenda tetap," katanya selepas menghadiri majlis bersama kepimpinan negara pada Minggu Haluan Siswa Pelajar Baharu di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini, semalam.

Hishammuddin, yang juga Menteri Pertahanan mengulas mengenai khabar angin



**Hishammuddin bersama penuntut baharu UTHM sempena Minggu Haluan Siswa Siswi Pelajar Baharu Program Sarjana Muda Semester 1 sesi 2015/2016, semalam.**

bahawa MT akan mengambil tindakan memecat atau menggantung keanggotaan

Muhyiddin dan Mohd Shafie pada mesyuarat Rabu depan.

Beliau juga tidak pasti sama

ada kedudukan Muhyiddin dan Mohd Shafie akan dibincangkan sebagai salah satu

## INFO

### Tujuh nama yang didakwa bakal dipecat:

1. Tan Sri Muhyiddin Yassin
2. Datuk Seri Shafie Afdal
3. Datuk Seri Mukhriz Mahathir
4. Datuk Seri Aziz Sheikh Fadzir
5. Datuk Seri Ahmad Said
6. Datuk Hamidah Osman
7. Datuk Jumat Idris

agenda dalam mesyuarat itu.

"Tidak semestinya perkara ini berbangkit pun. Ini perkara-perkara yang dihebohkan di sosial media dan sebagainya.

"Macam mana mereka (media sosial) nak tahu apa nak dibincangkan dalam MT.

Saya sebagai ahli MT pun tidak tahu.

"Tidak mungkin kita nak layan benda-benda (khabar angin) macam ni, mungkin tidak berlaku pun," katanya.

Tegasnya, masih ada banyak perkara yang lebih penting untuk dibincangkan dalam mesyuarat itu terutama berkaitan kepentingan negara.

"Saya nak wujudkan satu kesedaran bahawa kita tiada masa untuk berpecah sesama kita kerana agenda lebih besar adalah melihat kepada ekonomi negara.

"(Kita) hendak lihat kepada kestabilan, keselamatan dan pertahanan negara," kata Hishammuddin.

Tambahnya, bagi menangani kesemua perkara itu, kesemua anggota Umno perlu bersatu dalam satu pasukan.

- Bernama